

23/06/2002

Umno sudah pulih daripada situasi 1999

Jamhariah Jaafar

CERITA mengenai peralihan pucuk pimpinan di dalam Umno sudah berlangsung sejak sekian lama dan suasana 'perlumbaan' untuk memihak dengan beberapa pemimpin tertentu juga semakin terasa. Bagaimanapun, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mendapat undi tertinggi pada pemilihan dua tahun lalu, menegaskan belum lagi masanya untuk Umno bercakap mengenai proses transisi ini. Keberatannya untuk bercakap mengenai hal ini memang kena tempatnya, terutama apabila melihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bukan saja terus mampu berdiri selama dua jam ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno Khamis lalu, dan lebih sejam setengah lagi ketika penggulungan semalam, tetapi 'lidahnya' terus tajam menegur orang Melayu yang masih ramai dibelenggu dengan mentaliti 'subsidi' dan mencari 'jalan pintas' untuk menjadi kaya sehingga ada yang tergamak menggadai maruah bangsa sendiri. Ikuti bicara wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR, bersama Najib, mengenai masa depan Umno dan langkah yang diambil oleh parti terunggul Melayu ini untuk memastikan 'kekecewaan' yang hampir memusnahkan Umno pada pilihan raya umum 1999 tidak berulang, menginsafi nasib bangsa kita dan merenung apa yang harus kita lakukan untuk menjamin masa depan yang lebih baik untuk bangsa Melayu.

BAGAIMANA penilaian Datuk Seri mengenai Perhimpunan Agung Umno kali ini?

Saya lihat perhimpunan kali ini berlangsung dalam suasana tenang. Mereka dapat menerima panduan yang diberikan oleh Presiden pada Majlis Taklimat Presiden dan ketika ucapan dasarnya. Kesungguhan Presiden untuk mengubah nasib Melayu dan rasa kekecewaannya pencapaian orang Melayu ini tidak seperti dijangkakan, memberi suasana yang mengajak ahli Umno menginsafi nasib bangsa kita dan merenung apa yang harus kita lakukan untuk menjamin masa depan yang lebih baik untuk bangsa Melayu.

Adakah Datuk Seri berpendapat dengan sokongan Melayu kini semakin pulih terhadap Umno, adakah kemungkinan pilihan raya umum akan diadakan lebih awal daripada jadual asal pada 2004?

Saya tidak fikir kita patut membuat spekulasi mengenai perkara ini, kerana ini hak Perdana Menteri. Bagi kita apa yang perlu kita buat ialah menjamin keutuhan Umno dan pastikan Umno terus relevan. Perdana Menteri akan membuat keputusan penilaian yang mendalam dan Perdana Menteri tidak akan membuat keputusan tergesa-gesa, Apa yang penting kita bekerja dan bersedia untuk menghadapi perkara itu. Kita baru saja memulihkan kekuatan Umno, jadi sekarang ini kita hendak pastikan proses pemilihan Umno ini menjadi lebih mantap. Kita akan mengambil kira segala perkara.

Mengenai masa depan Umno, bagaimana Datuk Seri melihat perubahan yang bakal berlaku pada parti ini terutama dalam barisan kepimpinannya?

Yang penting bagi kita sekarang ialah memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri sehingga beliau dapat menghabiskan apa yang hendak dilakukan. Soal masa depan ini boleh diuruskan dengan baik dengan kita melihat kepada transisi di dalam Umno.

Kelihatan sudah muncul beberapa kem di dalam Umno...

Yalah, andaian dan ramalan yang keluar ini macam-macam. Kadang-kadang dia tidak menjadi sedemikian, jadi terpulang kepada pemimpin untuk menjaga Umno tapi jika kita bijak menangani masalah ini, ia akan dapat mengelak perpecahan di dalam parti. Ketika ini Perdana Menteri masih ada... beliau masih mampu bercakap selama dua jam di atas pentas, jadi tak payahlah cakap perkara ini.

Kempen menarik lebih ramai untuk menjadi ahli Umno sudah berlangsung

agak lama, apa perkembangan terbaru sekarang?

Ya saya puas hati setakat ini, sebab kita ada repsonse yang agak baik dari kempen pengambilan baru dan MT berharap kempen ini dijalankan berterusan. Tapi dalam kita menumpu perhatian kepada perkara ini, soal pengukuhan struktur Umno dan memantapkan Umno dalam isu-isu asas. Soal penambahan ahli dan pengundi akan diberi perhatian, kerana ia berkait rapat dengan pilihan raya. Saya sedar sekatan pengambilan keahlian masih berlaku, tapi ia tidak begitu berleluasa dan jika mereka tak dapat juga menjadi ahli Umno, kita minta mereka berurusan terus dengan ibu pejabat. Tapi saya tahu ada juga beberapa kes politik di peringkat cawangan yang menyukarkan mereka menjadi ahli Umno, tapi kita nasihatkan mereka selesaikan di peringkat ibu pejabat.

Jika kita mengimbau kembali kepada pilihan raya umum 1999, ramai ahli Umno ramai tidak mengundi kerana tidak berdaftar sebagai pengundi sehingga menyaksikan Umno banyak kehilangan kerusi. Bagaimana untuk memastikan keadaan ni tidak berulang?

Kita sedang menggubal satu kaedah di mana satu keadaan pemeriksaan pengundi itu dibuat secara lebih komprehensif menggunakan komputer. Ketika ini keahlian kita sudah berada di dalam sistem komputer, jadi kita boleh memeriksanya secara online sekarang. Memang ada ahli Umno belum menjadi pengundi sekarang dan kita akan kenal pasti. Kemudian kita akan ambil tindakan untuk memastikan mereka berdaftar sebagai pengundi, untuk hal ini kita akan meminta bahagian-bahagian untuk melakukan perkara ini.

Adakah Datuk Seri memandang kekuatan Umno sekarang sudah kembali normal?

Saya lebih yakin sekarang. Pada 1999 suasananya berbeza dan suasana itu tidak ada lagi sekarang. Dan masalah ketika itu berbeza, tapi mereka tidak meninggalkan Umno cuma agak kecewa dengan keadaan semasa. Contoh di Kelantan, mereka kini kian kecewa dengan Pas, dengan tipu helah pembangkang itu terutama apabila ia dikaitkan dengan keganasan. Kni mereka insaf bahawa Pas bukan lagi alternatif kepada Umno dan BN.

Tapi masih ramai 'silent majority' berada di luar sana?

Saya yakin orang ramai sekarang melihat Kerajaan dengan lebih positif. Tengok isu-isu pun tidak seperti macam dulu lagi. Contoh ialah pilihan raya kecil Indera Kayangan dan Ketari, kita lihat prestasi kita jauh lebih baik.

Datuk Seri, Pas kelihatan amat yakin dapat mengekalkan kedudukannya di Kelantan dan Terengganu, dan kini merancang untuk menawan Selangor, Kedah dan Perlis. Apakah suasana yang dicetuskan oleh Pas ini tidak membimbangkan Umno?

Apa yang boleh saya katakan di sini, Umno tidak mungkin akan mencatat keputusan yang lebih buruk daripada pilihan raya umum 1999, tapi apa yang saya yakin kita akan menghasilkan kejayaan lebih baik. Umpamanya kita mesti memikirkan pemimpin yang kita boleh tonjolkan barisan yang lebih dan kedua kita mesti memastikan Umno bersatu dan komited kepada soal hendak menang pilihan raya.

Jadi Datuk Seri melihat ada kelemahan dalam soal pemilihan calon pada pilihan raya umum lalu?

Bukan kelemahan, tapi kita mesti sedar bahawa dalam politik ini sebarang kemungkinan boleh berlaku. Tapi kita kena ambil sikap teliti bagi memastikan masalah lalu tidak berulang sebab kemenangan ini bergantung pada banyak fakta.

Dalam kes Datuk Seri sendiri, pada 1999 anda hanya menang majoriti 241 undi, ketika itu anda berkata kesilapan berpunca kerana terlalu mempercayai orang bawah. Jadi adakah situasi sekarang sudah berubah bukan saja bagi Pekan tapi juga kawasan lain juga?

Pertamanya, saya melihat bagi kawasan saya sendiri, saya balik ke kawasan tiap-tiap minggu. Saya mengadakan lebih banyak program, saya

sendiri turun padang dan berjumpa pengundi. Dalam politik membabitkan aspek pengumpulan maklumat ia tidak boleh bergantung kepada satu sumber saja. Kita mesti bergantung kepada pelbagai sumber. Kalau hubungan kita rapat dengan pelbagai pihak, saya percaya kita boleh dapat maklumat dari pelbagai sudut, bukannya bergantung kepada satu pihak saja.

Jadi pengalaman 1999 adalah pengajaran terbaik kepada semua pihak?

Ya, kepada seluruh negara. Tapi kini Umno sudah pulih daripada situasi 1999, jika tidak kita tidak akan menyaksikan senario seperti hari ini (suasana ceria di Perhimpunan Agung Umno). Satu lagi faktor penting ialah untuk memenangi hati generasi muda yang akan mencakupi antara 1.5 juta dan dua juta menjelang pilihan raya akan datang. Jika kita tidak memenangi hati mereka, orang lain akan mengambil peluang. Jadi tindakan Umno menubuhkan Puteri antara langkah terbaik, kerana ia menjadi platform untuk generasi muda ini memahami wadah Umno bagi menentukan kesinambungan pemerintahan Umno. Ini kerana fenomena pemuda, pemudi balik kampung dan mengundi pembangkang adalah satu fenomena yang berlaku pada pilihan raya lalu. Contohnya, Kelantan kalah pun kerana ramai pengundi dari luar balik ke sana, kalau tidak saya percaya ada beberapa lagi kawasan kita boleh menang.

Bagaimana Datuk Seri melihat keadaan pengundi Cina sekarang?

Saya rasa pengundi Cina sedikit terpengaruh dengan Pas terutama ketika pilihan raya kecil Lunas. Ia disebabkan isu sekolah wawasan. Tapi sekarang mereka melihat isu itu tidak memberi kesan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina. Masa depan bangsa Cina sekarang lebih bergantung kepada BN terutama dalam situasi di mana tindakan Pas semakin membimbangkan mereka. Perdana Menteri memang gembira dengan komitmen bangsa Cina, dan mereka memang membantu memberi kemenangan kepada BN pada pilihan raya umum lalu.

Situasi selepas peristiwa 11 September di New York juga mengukuhkan kedudukan BN. Rakyat semakin insaf bahawa kestabilan dan pengukuhan rakyat faktor paling penting, jika anda tidak mempunyai keselamatan dan kemakmuran apa yang kita ada sekarang ini tidak bermakna. Jadi selepas melihat kejayaan Umno dan BN dalam memastikan seluruh rakyat terus makmur selama ini, mereka semakin padu menyokong BN. Apa lagi melihat Pas kini semakin fanatik dalam mengeluarkan pelbagai syarat, peraturan dan Fatwa Haji Hadi pada 1981, jika dikaji memang ekstrem dan militan apabila jika mereka mati dalam perjuangan mereka akan mati syahid. DAP pula sberada di dalam 'no man lands', dan kemungkinan satu penyelesaian DAP sekarang menyertai mana-mana komponen BN. Saya tidak fikir mereka mempunyai masa depan yang cerah di sini.

Adakah krisis MCA yang berlaku sekarang boleh menjejaskan kekuatan BN?

Saya tidak fikir begitu, saya yakin ia boleh ditangani dengan baik.

(END)